

CNS7101

U GB 10-04 00156 BH203

aab

Mahathir - Australia

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata Malaysia tidak akan meneruskan hubungan baiknya dengan Australia jika negara itu tidak berbuat baik terhadap Malaysia.

Perdana Menteri berkata, ada bukti bahawa pihak tertentu di Australia yang tidak suka kepada Malaysia malah memburuk-burukkan imej negara ini untuk menghalang kemasukan pelaburan asing.

+Kita suka berbaik-baik dengan semua negara tetapi kita tidak boleh berbaik-baik kepada mereka yang tidak mahu berbaik-baik dengan kita,+ katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada anak-anak yatim Islam dari Wilayah Persekutuan dan menghadiri majlis berbuka puasa di bangunan Tabung Haji di sini.

Perdana Menteri berkata demikian semasa ditanya sama ada benar kerajaan telah mengarahkan semua ketua setiausaha kementerian supaya mengurangkan segala hubungan dengan Australia.

+Perhubungan Malaysia dengan Australia setakat ini adalah mengikut peraturan dan tidak lebih daripada itu,+ katanya. -- Lagi

♥10/04/21-33MST

CNS7104

U GB 10-04 00134 BH204

aab

Mahathir - Australia 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau tidak faham kenapa Australia begitu membencikan Malaysia dengan membuat dakwah palsu terhadap negara ini untuk memburukkan imejnya.

Apabila ditanya adakah perkara ini sudah lama berlaku, beliau berkata: +Lama juga+.

Sebagai bukti, Perdana Menteri berkata, golongan tertentu di Australia telah membuat siri filem yang memburukkan Malaysia.

Katanya, terdapat juga filem lain yang memberi gambaran tidak tepat mengenai Malaysia yang mungkin memberi kesan terhadap ekonomi negara iaitu yang boleh menghalang pelabur asing daripada datang ke negara ini.

Kepada soalan sama ada pelaburan di Malaysia terjejas ekoran tindakan itu, beliau berkata, kerajaan tidak pasti sama ada ia telah menjejaskan pelaburan atau tidak, tetapi +pelaburan di negara ini memang meningkat.+

+Tetapi kita tidak boleh tentukan ia akan meningkat lebih tinggi jika tidak ada usaha memburukkan terhadap kita,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak akan membuat bantahan rasmi kepada kerajaan Australia kerana kerajaan dapati tidak ada faedah untuk berbuat demikian.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir menyampaikan bantuan Hari Raya berupa wang tunai daripada Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan kepada lapan orang anak yatim serta seorang balu, Puan Fatimah Sham Haji Long dan tujuh orang anaknya.

Puan Fatimah Sham, 45, balu kepada pengawal keselamatan Muzium Negara, Mohamed Nor Arif yang meninggal dunia pada Jun tahun lepas mempunyai 10 orang anak. Tiga daripada mereka sudah bekerja.

Yang Dipertua persatuan itu, Datuk Haji Hanafiah Ahmad berkata bahawa pada tahun ini persatuan mengeluarkan bantuan Hari Raya berjumlah kira-kira \$51,000 kepada 639 anak yatim.

Yang hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Perusahaan Awam Datuk Dr Yusof Nor dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha. -- Bernama

♥10/04/22-02MST